

P.U. (A) 101.**AKTA PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA BERHAD 2001****PERINTAH PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA BERHAD
(PENGECUALIAN LEVI) 2020**

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 19 Akta Pembangunan Sumber Manusia Berhad 2001 [*Akta 612*], Menteri membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Pembangunan Sumber Manusia Berhad (Pengecualian Levi) 2020**.

(2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 1 April 2020.

Pengecualian levi

2. (1) Tertakluk kepada subperenggan (2), mana-mana majikan yang mendaftar dengan Perbadanan dikecualikan sepenuhnya daripada membayar apa-apa levi yang dinyatakan dalam seksyen 14 dan 15 Akta berkenaan dengan setiap pekerjaanya akibat pandemik *Coronavirus Disease 2019* (Covid-19).

(2) Pengecualian levi di bawah subperenggan (1) adalah bagi tempoh enam bulan bermula dari 1 April 2020 hingga 30 September 2020.

Dibuat 30 Mac 2020

[KSM/PUU/(S)600-1/2/16/1 Jld. 3 (18); PN(PU2)616/IV]

DATUK SERI M. SARAVANAN
Menteri Sumber Manusia